

**SOALAN NO: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
[ PANDAN ]

**TARIKH :** 07 APRIL 2014

**SOALAN :**

**YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada satu tender terbuka/terhad dibuat sebelum Kerajaan Persekutuan menganugerahkan pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Hospital Kuala Lumpur kepada Konsortium Prohawk Sdn. Bhd., berapa lamakah tempoh konsesi dan berapakah jumlah bayaran tahunan yang perlu dibayar kepada Konsortium Prohawk Sdn. Bhd. sepanjang tempoh konsesi itu.**

## **Tuan Yang di-Pertua**

Pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Hospital Kuala Lumpur adalah merupakan projek *Public- Private Partnership* (PPP). Perolehan projek ini adalah melalui kaedah perolehan secara Tender Terhad yang dikendalikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri. Tempoh konsesi ialah dua puluh tujuh (27) tahun tidak termasuk tiga (3) tahun pembinaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)**

**SOALAN : 7**

**Dato'Wira Othman Bin Abdul [ Pendang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:**

- a) Apakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan ruang berlepas Lapangan Terbang Subang yang hanya mempunyai 3 pintu berlepas Dalam Negeri sedangkan jumlah penerbangan adalah banyak; dan
- b) Apakah Kementerian mempunyai cadangan-cadangan lain untuk meningkatkan kemudahan dan keselesaan penumpang di sini.

**JAWAPAN:**

Tuan yang DiPertua,

- (a) Kerajaan bersama-sama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sememangnya mempunyai cadangan untuk membesarkan bangunan Terminal 3 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang bagi mengurangkan kesesakan yang disebabkan oleh penambahan bilangan penerbangan. Permohonan berkaitan pembesaran dan menaiktaraf kawasan pemakiran pesawat di LTSAAS telah dikemukakan oleh Kementerian Pengangkutan kepada Unit Perancang Ekonomi pada 30 Jun 2013 untuk dipertimbangkan dalam *Rolling Plan 4*, Rancangan Malaysia Ke-10 yang meliput iskop kerja adalah seperti berikut:
- a. Pembesarkan kawasan pemakiran pesawat komersil bagi menempatkan 22 unit pemakiran pesawat ATR 72; dan
  - b. Melupuskan kawasan parkir kendaraan di Terminal 2 bagitujuan pembinaan pemakiran pesawat.
- (b) Bagi meningkatkan kemudahan dan keselesaan penumpang, pembesaran ini akan melibatkan pengubahsuaian Terminal 2 yang akan menjadi sebahagian daripada Terminal 3 yang ada sekarang di LTSAAS. Projek pembesaran yang akan dilaksanakan ini dengan sendirinya akan menambah bilangan jumlah pintu berlepas dan pintu ketibaan serta ruang legar yang lebih luas untuk kemudahan ruang kedai, restoran serta pembesaran tempat meletak kereta.